

DBKL lanjut pengurangan sewa kepada penjaja terpilih

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melanjutkan pengurangan sewa sebanyak 50 peratus kepada penyewa pasar bangunan dan pusat penjaja DBKL.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, pengurangan kadar sewa tersebut disambung enam bulan lagi bermula bulan ini hingga Disember depan.

Menurutnya, sebanyak 5,766 akaun menerima manfaat itu dengan anggaran pengurangan hasil hampir RM3.1 juta.

“Walaupun negara memasuki fasa peralihan endemik bermula 1 April lalu namun masih terdapat rungutan daripada penjaja dan peniaga kecil tentang beban-

an hidup yang terpaksa ditanggung akibat impak ekonomi yang baharu memasuki proses pemulihan.

“Bagi mengurangkan bebanan dan menambah nilai aliran wang kelompok berkenaan, pihak kementerian dan DBKL telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pengurangan kadar sewa berkenaan,” katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut katanya, DBKL telah memberi inisiatif pengurangan kadar sewa tersebut bermula Januari 2022 hingga Jun 2022.

Katanya, inisiatif itu diharap membantu mereka untuk terus mengoptimumkan operasi perniagaan, sekali gus mengurangkan bebanan hidup di ibu kota.



Jalaluddin (kanan) menyantuni penjaja di Anjung Selera Jalan Jujur Bandar Tun Razak sewaktu mengadakan lawatan turun padang pada Rabu.